

# Shahidan maklumkan keadaan Khor pada PM hari ini

KANGAR 18 Nov. — Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, beliau akan memaklumkan keadaan kesihatan ahli Exconya, Datuk Khor Liang Tee yang diperkatakan secara meluas di sini kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad esok.

Begitupun, tambahnya, keadaan kesihatan terbaru Khor, 59, selepas dua bulan dimasukkan ke sebuah hospital di Kuala Lumpur sudah dimaklumkan secara lisan kepada Perdana Menteri.

Kesihatan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Perlis itu yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Indera Kayangan menurut Shahidan serius walaupun masih sedarkan dirinya.

“Semasa saya melawatinya di Kuala Lumpur semalam beliau sedar, memegang dan kemudian menggenggam tangan sa-

ya, namun tidak bercakap apa-apa,” katanya di pejabatnya hari ini.

Shahidan membuat pengakuan ini ekoran khabar yang bertiup mengatakan Khor kembali tidak sihat akibat penyakit barah usus yang dihidapinya sejak dua tahun lalu.

Pada Ogos lalu, Khor telah dimasukkan ke hospi-

tal di Kuala Lumpur dan berita mengenai keadaan kesihatannya menjadi bahan spekulasi yang mendakwa beliau sudah meletakkan jawatannya sebagai wakil rakyat.

Beliau bagaimanapun dengan wajah ceria muncul bersama Shahidan dan menafikan berita peletakan jawatannya.

Khor menjadi Pengerusi MCA Perlis sejak 1996 dan mengekalkan jawatan ADUN selama tiga penggal.

Mengenai spekulasi kemungkinan pilihan raya kecil akan berlaku, Shahidan berkata, jentera pilihan raya Barisan Nasional (BN) negeri bersiap sedia.

Malah menurutnya, kemungkinan BN akan menang dengan lebih cemerlang berasaskan rakyat semakin yakin kepada kerajaan selepas berlaku serangan ke atas Pusat Dagangan Dunia, New York 11 September lalu.